



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (27 MARCH 2020) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin memberikan penjelasan tentang langkah-langkah yang telah diambil sejurus mendapat maklumat berkenaan jangkitan Covid-19 di kalangan Pesuruhjaya, yang mana ianya bertentangan dengan berita yang tersebar baru-baru ini di pelbagai portal media.

Pada 11 Mac 2020, SUHAKAM telah mengeluarkan kenyataan media memaklumkan bahawa salah seorang Pesuruhjaya telah didapati positif Covid-19. Dalam kenyataan yang sama, SUHAKAM mengumumkan penutupan pejabat Kuala Lumpur bermula 11 Mac sehingga 14 Mac 2020 bagi membolehkan proses disinfeksi dilakukan secara menyeluruh di premisnya. Berikutan berita kes positif yang kedua, SUHAKAM telah mengambil langkah untuk memaklumkan kepada mereka yang hadir ke Siasatan Awam pada 2 Mac hingga 4 Mac 2020 lepas, tentang kemungkinan pendedahan kepada virus ini. SUHAKAM turut menghubungi penganjur program luar yang telah dihadiri oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya tersebut, dari tarikh mereka disyaki terdedah kepada virus itu agar mereka turut memaklumkan perkara ini kepada peserta program berkenaan.

Untuk rekod, Pesuruhjaya terbabit telah segera menjalani kuarantin secara sukarela dan dimasukkan ke hospital apabila didapati positif. Tidak sekalipun pihak SUHAKAM mahupun Pesuruhjaya menyembunyikan apa-apa maklumat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sentiasa akur dengan nasihat yang diberikan oleh pegawai KKM. Pihak SUHAKAM telah memberikan nama-nama mereka yang mempunyai kontak rapat dengan Pesuruhjaya yang dijangkiti kepada pegawai penyiasat Pejabat Kesihatan Daerah dengan segera. Selaras dengan prosedur Kementerian, Pegawai Perubatan yang dilantik telahpun membuat tindakan susulan dan menghubungi mereka yang disenaraikan, diikuti temujanji untuk menjalani ujian saringan sekiranya perlu.

Selaras dengan pengumuman Kerajaan bahawa Akta Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 terpakai dalam menangani Covid-19 ini, pegawai yang diberikan kuasa wajib untuk memelihara kerahsiaan maklumat di bawah Seksyen 3 (3) Akta ini. Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 22 Akta ini sekiranya mana-mana orang menghalang atau enggan memberikan maklumat atau memberikan maklumat palsu sekiranya diperlukan oleh mana-mana pegawai yang diberikan kuasa menjalankan tugasnya di bawah Akta ini.

SUHAKAM menyedari tentang keperluan untuk mengimbangkan kepentingan hak orang ramai terhadap kesihatan dan keselamatan berbanding hak pesakit itu sendiri. SUHAKAM tegas menyatakan bahawa kami telah melakukan apa yang terbaik berdasarkan keadaan semasa ia berlaku.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 March 2020

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi Untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600